

KUTIPAN ZAKAT PADI MELALUI PEMOTONGAN TERUS DARI KUPON SUBSIDI PADI DI NEGERI SELANGOR

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

FATWA KAEDAH PENETAPAN KADAR ZAKAT FITRAH TAHUNAN NEGERI SELANGOR

- (1) Zakat padi wajib dikeluarkan mengikut kadar hasil yang diperolehi dengan kadar zakat sebanyak 5% tanpa menolak apa-apa kos yang ditanggung oleh pengusaha tanaman padi.
- (2) Wang kupon padi adalah di kira sebagai subsidi iaitu sebagai penggalak dari kerajaan dan wajib dikeluarkan zakat sebanyak 2.5% sekiranya mencukupi nisab.

Status: Warta

Tarikh Warta: 23 Jun 2005

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID

Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor